



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar



24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|--|---|
| <ul style="list-style-type: none">● YB Menteri● YB Timbalan Menteri● YBhg. KSU | <ul style="list-style-type: none">● YBhg. TKSU (PPDN)● YBhg. TKSU (PP)● Setiausaha Akhbar |
|--|---|

Tarikh: 18 JUN 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Harga telur ayam turun, minyak masak kekal

Kerajaan jamin terus tangani kos sara hidup

Selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam mengumumkan harga runcit telur ayam gred A, B dan C diturunkan 3 sen sebijji. Kerajaan juga mengekalkan harga minyak masak sawit tulen kemasan botol walaupun harga minyak sawit mentah (CPO) dunia meningkat.

Oleh Muhammad Yusri Muzainir → Nasional 2



Harga telur gred A, B, C turun 3 sen

Inisiatif selaras dengan janji, usaha kerajaan tangani kos sara hidup rakyat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebijik berkuantiti semalam, menjadikan kadir baharu, masing-masing pada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebijik.

Penurunan harga runcit itu dibuat sejelas kerajaan mengambil kira perkembangan semasa yang menunjukkan penurunan kos input pengeluaran telur ayam, terutama bahan asas makanan ternakkan berkonsen.

Mengutamakan keputusan semalam, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata langkah itu juga selaras usaha kerajaan menggalakkan hasil penjimatatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

"Penampungan subsidi keperluan makasn rakyat sebanyak 10 sen bagi sebijik telur ayam membabitkan perbelanjaan RM100 juta. Pada 2023, peruntukan subsidi telur ayam adalah RM927 juta.

"Harga runcit telur di Sabah, Sarawak dan Labuan juga akan diselaraskan mengikut bahagian dan zon yang diwatakkan," katanya menegaskan masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan secara lebih proaktif dan berkesan.

Memberi jaminan kerajaan juga berusaha sebaiknya dalam memampar dampak buruk ke atas kehidupan harian rakyat. Perdana Menteri memberitahu, kerajaan masih mengelakkkan harga minyak masak sawit tulen kemasan botol.

Harga itu, masing-masing RM6.90 satu kilogram (kg), RM13.30 (2kg), RM18.60 (3kg) dan RM20.50 (5kg) yang dilakukan sejak Kerajaan Perpaduan mengambil alih pentadbiran negara bila pun harga minyak sawit mentah (CPO) dunia meningkat melebihi harga ambar RM3,890 smu tan.

"Sebagai contoh, harga CPO pada Mac dan April lalu, masing-masing RM4,215 satu tan dan April RM4,236 satu tan. Harga minyak masak sawit tulen 5kg boleh meningkat antara RM33 hingga RM35," jelas Anwar.

Berkaitan diesel, Perdana Menteri



Penurunan harga runcit bagi telur gred A, B dan C dibuat selepas kerajaan mengambil kira perkembangan semasa yang menunjukkan penurunan kos input pengeluaran telur ayam.

(Foto: Hasni)

mengakas, kerajaan komited menangani penyelesaian bahan api itu sambil berusaha meningkatinya dengan perihal beluman dan kos sara hidup rakyat.

OPS TIRIS DILAKUKAN DI SEMENANJUNG

Beliau juga mengalangi kerajaan tidak menghapuskan subsidi sebaliknya tindakan dilakukan ketika ini bertujuan memastikan pengurusan subsidi lebih cekap tidak tiris dan sampai kepada kumpulan rakyat sahaja.

"Kerajaan masih perlu menanggung kira-kira RM7 bilion subsidi berkaitan diesel di Semenanjung.

"Tujuan utama dasar penyasaran subsidi diesel demi memastikan pembeziran subsidi tidak lagi diteruskan sambil memastikan penjimatatan mesti dipulangkan kepada rakyat terbanyak."

"Hasil penjimatatan daripada penyasaran subsidi ini tentu akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor yang memberi dampak tertentu kepada rakyat," katanya.

Anwar mendedahkan, sebanyak 8,441.118 liter diesel dianggaran bernilai RM14,208,824 dirampas sejak 31 Disember lalu menerusi Ops Tiris yang dige-

rakkan kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kesara Hidup (KPDN) sejak 1 Mac 2023.

Ops Tiris yang bertujuan membantu penyelewengannya diesel bersubsidi ketika ia memanfaatkan golongan tidak layak berjaya menghasilkan perkembangan positif dan kerana itu, kata Perdana Menteri, kerajaan memerlukan Ops Tiris 3.0.

Ops Tiris 3.0 dijalankan dengan skop diperluas merangkul barang kawalan lain, iaitu gula putih bertapis kasar dan halus, minyak masak bungkusan polibag 1kg, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).

"Sehingga Jun lalu, barang kawalan bernilai RM12,950,080.96 dirampas dengan diesel menjadi barang kawalan tertinggi di seluruh dan diseleweng," kata dia.

Penyasaran subsidi diesel menyaksikan harga bahan api itu ditetapkan RM1.35 sen setier di semua stesen minyak runcit seluruh Semenanjung bermula jam 12 tengah malam 10 Jun lalu.

Serentak itu, 20,000 kumpulan awal pemilik kenderaan diesel persendirian menerima bantuan bulanan RM200 menerusi program BUDI MADANI mulai hari sama.

Lapor kementerian jika pekedai tak turun harga telur

Putrajaya: Orang ramai diminta melaporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) jika harga telur ayam di pasaran masih tidak berubah walaupun selepas kerajaan mengumumkan penurunan harganya semalam.

Timbalan Penggerusi Persatuan Pergerakan Pengguna Malaysia, Beninder Singh, berkata adalah menjadi tanggungjawab peniaga untuk mematuhi arahan itu (penurunan harga telur), jika tidak mahu berdepan tindakan undang-undang.

"Pengguna digalakkan untuk terus buat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya peniaga didapati (masih) menjual harga tinggi daripada harga kawalan," katanya ketika dihubungi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mengumumkan perkara berkenaan semalam berkata, harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing kini turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa semalam.

Beliau berkata, kerajaan memutuskan harga runcit telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyiasaran subsidi kepada rakyat.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, penampungan subsidi keperluan makanan rakyat 10 sen bagi sebiji telur ayam itu membabitkan perbelanjaan RM100 juta, manakala pada tahun 2023 peruntukan subsidi telur ayam RM927 juta.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah, berkata pengumuman kerajaan itu amat dialu-alukan, terutama apabila dapat memanfaatkan pengguna daripada pelbagai latar belakang.

"Memang bagus penurunan harga ini kerana telur sumber nutrisi penting kepada pengguna, tetapi pihak berkaitan perlu membuat pemeriksaan bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan telur di sesetengah tempat," katanya.

Beliau berkata, pihak peniaga juga perlu peka dengan kesedaran pengguna mengenai harga barang, justeru mereka perlu mengambil langkah berkaitan untuk mengelakkan impak undang-undang seperti tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Pengguna boleh mendapatkan maklumat penguatkuasaan di <https://www.kpdn.gov.my/ms/soalan-lazim/penguatkuasaan/penguatkuasaan-akta-kawalan-harga-dan-anti-pencatutan>.

Pembelian berulang RON95

Kenderaan sama tak boleh isi semula minyak dalam 1 jam

48 daripada 245 stesen di Kelantan dekat sempadan dipantau

Oleh Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@NSTP.com.my

Kota Bharu: Sebanyak 48 daripada 245 stesen minyak di Kelantan berada dalam radius 25 kilometer (km) dari sempadan. Diberi perhatian bagi mengecek pembelian berulang petrol RON95.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kelantan, Azman Ismail, berkata pengisian berulang tidak dibenarkan dalam tempoh kurang satu jam bagi kenderaan sama.

Jelasnya, pihaknya akan mengeluarkan surat kepada semua



Pembelian berulang RON95 di semua stesen minyak tidak lagi dibenarkan di Kelantan.

(Foto ilustrasi)

pengusaha stesen minyak di negeri itu dalam masa terdekat supaya melaporkan kepada pihak KPDN sekiranya terdapat kenderaan yang melakukan pengisian berulang.

"Pada masa sama, kita menempatkan anggota statik di stesen

minyak di sempadan seperti di Pengkalan Kubor, Rantau Panjang dan Bukit Bunga.

"Mereka yang berbuat sedemikian akan diambil tindakan tegas kerana kita percaya mereka adalah penyeludup," katanya ketika dihubungi semalam.

Elak diseleweng

Terdahulu, media melaporkan, pembelian berulang untuk pengisian RON95 di semua stesen minyak di Kelantan tidak lagi dibenarkan bagi mengelak petrol bersubsidi itu diseleweng ke negara jiran.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Bahagian Penguamkuasa KPDN, Shamsul Nizam Khalil, dilapor berkata arahan itu dikeluarkan selepas ada pihak dikesan cuba menggunakan pembelian berulang untuk mengumpulkan stok RON95 sebelum diseludup ke Thailand.

Mengulas lanjut, Azman turut berharap semua pengusaha stesen minyak memberi kerjasama kepada KPDN dalam menyalurkan maklumat.

Perjelas rasionalisasi subsidi bahan api kepada rakyat

Kuala Lumpur: Langkah meneruskan subsidi berkaitan diesel untuk mengurangkan impak kenaikan harga bahan api itu menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menjaga keajlian rakyat.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata kenaikan harga itu tidak dapat dihalang. Justeru, pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang sedia ada sangat penting untuk membanteras sebarang kegiatan mengaut keuntungan dan penyelewengan oleh syarikat-syarikat.

Berikutnya itu, beliau memuji usaha berterusan dan gigih kerajaan dalam membanteras penyelewangan diesel di samping terus menangani isu bekalan dan kos sara hidup.

Bagaimanapun, beliau berpendapat kerajaan perlu merancang suatu strategi komunikasi supaya mesej mengenai rasionalisasi subsidi bahan api dapat difahami rakyat, selain menjelaskan ke mana penjimatan daripada pelaksanaan langkah itu disalurkan serta hasil yang dijangkakan.

"Antara hasil yang dapat kita jangkakan termasuk infrastruktur lebih baik di sekolah-sekolah seperti perabot, peralatan elektrik dan makmal sains yang akan menambah baik pengalaman pembelajaran dalam kalangan pelajar serta memberi motivasi kepada guru supaya lebih efektif dalam pengajaran mereka," katanya kepada *BERNAMA* ketika dihubungi semalam.

Mohd Afzanizam berkata perjimatian daripada penyasaran subsidi itu dapat disalurkan kepada sektor penting seperti kesihatan bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik di fasiliti awam.

"Semua ini akan meningkatkan produktiviti negara memandangkan kita dapat menjana tenaga buruh yang cekap yang mendapat permintaan tinggi daripada majikan. Kesihatan yang baik turut meningkatkan produktiviti kerana pekerja yang sihat bermakna mereka boleh bekerja secara lebih efektif dan efisien.

"Ini semua ialah faedah dan hasil yang perlu dimaklumkan secara jelas kepada semua rakyat Malaysia supaya mereka faham

mengapa keputusan sukar (rasionalisasi subsidi bahan api) harus dibuat," katanya.

Beliau berpendapat komunikasi mengenai isu itu haruslah meliputi semua lapisan masyarakat dengan kaedah bersesuaian seperti penggunaan bahasa yang mudah difahami untuk komuniti luar bandar dengan penekanan pada mesej utama.

Sementara bagi golongan yang berpendidikan tinggi, katanya penjelasan perlulah berdasarkan data dan fakta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam berkata kerajaan masih menanggung sekitar RM7 billion subsidi berkaitan diesel di Semenanjung.

Anwar menjelaskan subsidi tidak dihapuskan, tetapi apa yang dilakukan adalah memastikan pengurusan subsidi yang lebih cekap, tidak tiris dan sampai kepada kumpulan rakyat yang selayaknya.

Beliau juga berkata hasil penjimatian daripada penyasaran subsidi tentunya akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor

• Kerajaan perlu merancang suatu strategi komunikasi supaya mesej mengenai rasionalisasi subsidi bahan api dapat difahami rakyat

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ahli Ekonomi
Bank Muamalat
Malaysia Bhd



yang memberi dampak terbesar kepada rakyat.

Laksanakan lebih cekap

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Saravanan Thambirajah, berkata pihaknya mahu penyasaran subsidi diesel itu dilaksanakan dengan lebih cekap kerana ramai yang masih keliru mengenai bantuan itu.

Menurutnya, banyak industri yang tidak mengetahui sama ada mereka layak menerima subsidi tersebut selain berharap subsidi itu sampai kepada golongan yang benar-benar layak seperti B40 dan peniaga kecil.

Penyasaran subsidi diesel

Penyeludup di selatan Thailand akui sukar dapat bekalan

Kota Bharu: Peniaga di selatan Thailand yang menyeludup dan menjual diesel bersubsidi mengaku mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bekalan berikutan langkah Kerajaan Malaysia memperkenalkan penyasaran bahan api berkenaan.

Kebanyakan peniaga yang mengendalikan gerai di sepanjang jalan utama di bandar Sungai Golok, Narathiwat dan wilayah Yala mendakwa perkara itu berlaku seminggu sebelum Kerajaan Malaysia melaksanakannya pada 10 Jun lalu.

"Langkah Kerajaan Malaysia untuk menyasarkan subsidi diesel menyebabkan harga bahan api di negara itu meningkat dari pada RM2.15 kepada RM3.35 seliter.

"Jika sebelum ini, kami menjual diesel Malaysia antara RM3.20 hingga RM3.45 seliter tetapi sekarang, kami terpaksa menaikkan sedikit harga kerana menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan daripada pembekal utama kami di wilayah selatan," kata peniaga diesel yang hanya mahu dikenali sebagai Pak Cu.

Lelaki berusia 70 tahun itu yang mengusahakan gerai di Narathiwat berkata dia dan peniaga Thailand lain kini menjual diesel Malaysia antara RM4 hingga RM4.50 seliter kepada pemandu Thailand.

Beliau percaya peningkatan rondaan sempadan oleh agensi pernguatuasaan Malaysia terhadap penyeludupan diesel juga menjadi punca kekurangan bekalan.

Sementara itu, tinjauan di Takhai dan Sungai Golok menunjukkan jumlah gerai di sepanjang jalan utama yang menjual minyak Malaysia menunjukkan penurunan secara drastik.

Jika sebelum ini terdapat kira-kira 40 gerai tetapi baru-baru ini jumlahnya kurang daripada 30.

Pemandu Thailand membeli minyak Malaysia kerana harganya yang murah berbanding dijual di negara mereka.

Sabtu lalu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh dilaporkan berkata kekurangan aktiviti penyeludupan diesel dapat dilihat melalui penurunan jualan diesel di sempadan.

Fuziah ketika program bual bicara eksklusif dengan *New Straits Times 'Beyond the Headlines'* dilaporkan berkata walaupun data tepat daripada Kementerian Kewangan masih belum ada, trend ketara dapat dilihat dalam penjualan diesel.

KPDN nafi petani Cameron Highlands terlepas subsidi

Oleh NURULIRDINA SUMALI

irdina.sumali@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) menafikan dakwaan petani di Cameron Highlands terlepas daripada menerima subsidi diesel.

Timbalan Menterinya, Fuziah Salleh berkata, kad fleet Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS) 2.0 telah disediakan kerajaan melibatkan sektor logistik untuk terus dapat membeli diesel pada harga RM2.15 seliter.

"Kad fleet ini merangkumi 23 jenis kenderaan termasuk lori kargo am dan lori hasil pertanian serta kenderaan utama



FUZIAH SALLEH

dengan kod BY iaitu barang dikawal Cameron Highlands," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kira-kira 80 peratus petani sayur di Cameron Highlands di-

jangka tidak dapat menikmati subsidi diesel kerana mencatatkan jualan tahunan melebihi RM300,000.

Presiden Persatuan Petani Sayur Cameron Highlands, Datuk Chai Kok Lim berkata, keadaan itu bermakna mereka tidak dapat menikmati subsidi di bawah kategori Budi Agri Komoditi.

Katanya, tanpa subsidi diesel, kenaikan harga sayuran mungkin berlaku dan menjelaskan pengguna, malahan membawa kesan inflasi.

Dalam pada itu, Fuziah berkata, beliau difahamkan oleh Kementerian Kewangan, petani di Cameron Highlands merayu supaya kerajaan menyediakan diesel bersubsidi untuk set pen-

jana kuasa mereka dan meningkatkan ambang pendapatan untuk bantuan tunai sehingga RM1 juta.

"Budi Madani bagi sektor pertanian, julat pendapatan yang dipersetujui dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) adalah antara RM50,000 ke RM300,000 namun memperluaskan kepada set generator bukanlah apa yang kami sedia lakukan.

"Kecuali KPKM ada cadangan bagaimana untuk menyediakan diesel bersubsidi set penjana kuasa bagi pertanian di seluruh negara selain menggunakan kad fleet dalam kegunaan yang tidak berkaitan dengan kenderaan adalah tidak wajar," jelasnya

Jangan ketepikan petani, penarik kereta di Cameron Highlands

PETALING JAYA: Kerajaan dicadang tidak mengetepikan sektor perniagaan pertanian dan penarik kereta yang dikatakan terlepas pandang daripada menikmati subsidi diesel yang diberi oleh kerajaan.

Menurut Pensyarah Kanan Ekonomi Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, keadaan itu menyebabkan kesukaran kepada pemain sektor terlibat dan menyebabkan kos perbelanjaan serta penyelenggaraan meningkat.

"Pihak kerajaan perlu sentiasa bersikap terbuka dan bersedia mendengar rintihan golongan peniaga supaya penambahbaikan dapat dilakukan."

"Kerajaan juga perlu dapatkan komen melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK), adakah cukup subsidi RM200 itu," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, apabila kerajaan melaksanakan penyasaran subsidi diesel, ia tidak sempurna dan sudah tentu mempunyai beberapa kelemahan dan kerajaan sedang memperbaikinya.

Menurut beliau, antara yang terkesan ialah rakyat golongan bawah seperti pesawah, pengusaha bas sekolah serta nelayan dan kerajaan akan membantu mereka.

Dalam pada itu, Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya mengharapkan kerajaan dan pemain industri berbincang bersama bagi mencari jalan penyelesaian yang tidak merugikan mana-mana pihak.

"Bincang apakah masalah yang dihadapi oleh mereka apabila pelaksanaan subsidi bersasar ini dan juga kenakan harga diesel dan cubalah mendalami masalah mereka," jelasnya.

Kerajaan masih tanggung RM7 bilion subsidi diesel

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
utusannews@mediamalaysia.com.my

PUTRAJAYA: Walaupun melaksanakan penyasaran subsidi diesel, kerajaan masih menanggung sekitar RM7 bilion untuk subsidi berkaitan bahan api itu di Semenanjung.

Jumlah itu menyaksikan hampir separuh apabila pada tahun lepas merekodkan sehingga RM14.4 bilion subsidi bahan api tersebut yang perlu

Hasil penjimatan mula dikembalikan kepada rakyat, RM100 juta untuk telur

ditanggung kerajaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan tidak menghapuskan

subsidi, sebaliknya apa yang dilakukan adalah memastikan pengurusan subsidi lebih cekap, tidak tiris dan sampai kepada kumpulan rakyat yang selayaknya.

Kata beliau, tujuan utama dalam dasar penyasaran subsidi diesel adalah memastikan pembaziran subsidi tidak lagi diteruskan sambil memastikan penjimatan mesti dipulangkan kepada rakyat terbanyak.

"Hasil penjimatan daripada penyasaran subsidi ini tentunya

dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor yang memberi dampak terbesar kepada rakyat.

"Selaras usaha mengembalikan hasil penjimatan penyasaran subsidi kepada rakyat, kerajaan memutuskan supaya harga runcit bagi telur turut diturunkan berkuat kuasa serta-merta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Bersambung di muka 3

Selain telur, barang asas lain juga perlu turun harga

Oleh JOHANNA MUMTAZ WANPA
johanna.wpa@mediamalaysia.com.my

PETALING JAYA: Penurunan harga telur tiga sen bagi setiap gred dilihat tidak memberi impiak besar kerana peniaga dan rakyat masih perlu membeli barang asas lain dengan harga mahal.

Oleh itu, kerajaan turut disaran menurunkan harga barang keperluan asas lain supaya dapat mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohd. Yusrizal Yusoff berkata, pengumuman kerajaan berhubung penurunan harga telur menggembirakan namun kera-

jaan disaran melihat harga barang lain bagi menjamin kestabilan ekonomi domestik.

Katanya, penurunan harga barang keperluan asas secara tidak langsung dapat meningkatkan kuasa beli pengguna malah mampu memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat khususnya golongan B40.

"Kami menyambut baik penurunan harga telur kerana ia dapat mengurangkan tekanan kewangan dihadapi rakyat. Sekurang-kurangnya ada juga sumber protein yang lebih mudah dapat dinikmati oleh golongan tidak berkemampuan.

"Para peniaga perlu mengambil peluang ini untuk menuarkan harga makanan yang dijual di kedai supaya orang ramai dapat menikmatinya pada

kadar berpatutan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan, hasil penjimatatan daripada penyasaran subsidi diesel, kerajaan memutuskan harga runcit bagi telur gred A, B dan C diturunkan tiga sen berkuat kuasa serta merta.

Sementara itu, Presiden Lembaga Perlindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang berkata, pihaknya tidak menafikan penurunan harga telur memberi faedah kepada rakyat namun ia perlu diimbangi dengan harga barang keperluan lain agar dapat memberi manfaat secara menyeluruh kepada masyarakat.

Menurut beliau, para penia-

ga akan mengalami kesukaran untuk menurunkan harga jualan kerana penurunan tersebut tidak mampu menampung kos penyediaan secara keseluruhan.

"Kerajaan perlu turunkan harga jualan runcit bagi barang keperluan harian seperti minyak masak, beras, tepung, ubi kentang dan gula supaya para peniaga dapat menyediakan makaman dengan kos yang lebih rendah dan dijual pada harga bersesuaian.

"Diharapkan penurunan ini tidak akan menjelaskan para penternak kerana keuntungan yang sedia ada itu agak kecil supaya mereka dapat menyediakan bekalan telur yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pasaran," katanya.

Kerajaan masih tanggung RM7 bilion subsidi diesel

Dari muka 1

Anwar berkata, perkembangan semasa menunjukkan berlaku penurunan kos input pengeluaran telur ayam khususnya bahan asas kepada makanan ayam.

Untuk itu, harga runcit bagi telur gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji.


Sehubungan itu, harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C kini masing-masing turun kepada 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji.

Beliau berkata, penampungan subsidi keperluan makanan rakyat bagi sebiji telur ayam ini melibatkan perbelanjaan RM100 juta, manakala pada tahun 2023 peruntukan subsidi telur ayam adalah sebanyak RM927 juta.

"Harga runcit bagi telur di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan juga akan diselaraskan mengikut Bahagian dan Zon yang diwartakan.

"Ingin saya tegaskan, masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan secara lebih proaktif dan berkesan sambil berusaha sebaiknya dalam memaparkan dampak yang buruk ke atas kehidupan harian rakyat, katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan pada masa sama masih mengekalkan harga minyak masak sawit tu-



ANWAR Ibrahim hadir menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Putra, Putrajaya, semalam yang dipimpin oleh Imam Besar masjid itu, Salahuddin Ghazali. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

len kemasan botol pada harga RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) dan RM30.90 (5kg) mengambil alih tumpuk kepemimpinan meskipun harga minyak sawit mentah (CPO) dunia meningkat melebihi harga ambang RM3,890/mt.

Sebagai contoh, katanya, dengan harga CPO pada bulan Mac RM4,215/mt dan April RM4,256/mt, harga minyak masak sawit tulen 5kg boleh meningkat sehingga RM33-RM35.

Dalam pada itu, Anwar

berkata, Kerajaan Madani kekal komited menangani penyecludupan diesel sambil berusaha mengimbanginya dengan perihal bekalan dan kos sara hidup rakyat.

Dalam hal ini, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri menggerakkan Op Tiris yang sejak 1 Mac 2023 yang mana ia bertujuan membanteras permasalahan penyelewengan minyak diesel bersubsidi tatkala ia memanfaatkan pihak yang tidak layak.

Jelasnya, sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 6,441,118 liter minyak diesel dianggarkan berjumlah RM14,208,824.00 telah dirampas.

Justeru, atas hasil dan perkembangan yang baik dari ops tersebut, maka Op Tiris 3.0 dijalankan dengan skop yang diperluas mencakup barang-barang kawalan lain iaitu gula putih bertapis (kasar dan halus), minyak masak bungkusan polibeg 1KG, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).

Op Tiris kesan RM1.62 juta diesel bersubsidi diseleweng di ibu negara

Oleh NURAINA
HANIS ABD. HALIM
hanis.halim@mediummedia.my

PETALING JAYA: Wujud penglibatan sindiket dipercayai mengasas kawasan tertentu di ibu negara untuk melakukan penyelewengan diesel bersubsidi sebelum penyasarang subsidi batuan bakar itu dilaksanakan pada 10 Jun lalu.

Ibu negara taktik dikesan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saru Hidup (KPDN) Kuala Lumpur hasil risikan dan tindakan Op Tiris yang dilaksanakan Mac tahun lalu hingga Mei lalu.

Dalam tempoh pelaksanaan Op Tiris tersebut, KPDN Kuala Lumpur merekodkan 22 kes penyelewengan dengan nilai rampasan RM1.62 juta.

Pengarah KPDN Kuala Lumpur, Ariffin Samsudin berkata, berdasarkan maklumat, kegiatan penyelewengan diesel di ibu negara melibatkan lebih daripada satu sindiket.

Menurut beliau, sindiket tersebut mengasas kawasan tertentu bagi membuat pembelian minyak diesel di stesen-stesen minyak diketahui pasti.

Kesemua lorong yang digunakan dipercayai aktif bermula pukul 5 petang sehingga pukul 7 pagi bagi mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa.

"Kesemua pembandu lorong ini amat berhati-hati bagi mengelak diekori oleh pihak berkuasa dan KPDN Kuala Lumpur juga tidak menolak kemungkinan ada pekerja stesen-stesen minyak yang bersubuhat dan diberikan imbuhan wang ringgit oleh pihak sindiket," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Ariffin berkata, diesel basah penyelewangan kemudian akan dibantarkan kepada pemborong yang beroperasi di luar Kuala Lumpur bagi tujuan eksport atau dijual kepada pihak industri yang memerlukan.

Jelas beliau, sejak pelaksanaan Op Tiris, KPDN Kuala Lumpur merekodkan 22 kes dengan nilai rampasan mencecah RM1.62 juta.

"Sifatnya membabitkan 207,000 liter diesel bernilai RM435,000, manakala tangkapan seramai 33 orang iaitu 25 warga tempatan dan lapan warga asing.

"Perbezaan harga minyak diesel bersubsidi di stesen minyak dengan minyak diesel in-

dustri melebihi RM0.30/liter dan ini menjadi faktor utama pihak sindiket mengambil kesempatan untuk mengau keuntungan peribadi," katanya.

Tegasnya, KPDN memberi amaran keras mana-mana pihak supaya tidak melanggar undang-undang sedia ada serta tidak mengambil kesempatan terhadap subsidi yang diberikan oleh pihak kerajaan.

"Subsidi yang diberikan adalah untuk dinikmati oleh rakyat negara ini dan bukannya untuk aktiviti penyelewengan bagi mengau keuntungan berlipat ganda."

"KPDN WP Kuala Lumpur ingin menegaskan bahawa mana-mana individu atau mana-mana pihak ingkar bakal menerima hukuman yang berat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembenturan Keganasan dan Hasil Dari pada Aktiviti Haram 2001 (AMLA/TPUAA 2001)," katanya.



SEBAHAGIAN diesel yang dirampas dalam Op Tiris di KPDN Kuala Lumpur dalam tempoh Mac tahun lalu hingga Mei lalu.



HARGA telur bagi Gred A, B dan C turun sebanyak 3 sen mulai hari ini selepas kerajaan memperkenalkan penyasaran subsidi diesel baru-baru ini. - GAMBAR HASAN



PENYASARAN subsidi dilaksanakan untuk mengelakkan penyaludupan diesel oleh pihak tertentu. - GAMBAR HASAN

Hasil penyasaran subsidi diesel diserap ke barang lain

Telur ayam A, B dan C turun harga

Oleh RIDZAUDIN ROSLAN

PUTRAJAYA — Kerajaan mengumumkan harga runcit bagi telur gred A, B dan C diturunkan 3 sen sejoli berkuat kuasa semalam sebagai usaha mengembalikan hasil penjimatatan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perurusan itu menyaksikan harga runcit baharu bagi telur ayam tersebut menjadi 42 sen, 40 sen dan 38 sen sejoli.

Katanya, penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen untuk sejoli telur ayam itu melibatkan perbelanjaan RM100 juta.

Pada 2023, peruntukan subsidi telur ayam iaitu sebanyak RM927 juta. Harga runcit telur ayam di Sabah, Sarawak dan Labuan juga akan diselaraskan

mengikut bahagian dan zon yang diwartakan," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan tidak menghapuskan subsidi, setakala ia apa yang dilakukan ketika ini salah bagi memastikan pengurusannya dilaksanakan secara lebih cekap.

Tambahnya, kerajaan masih menanggung subsidi berkaitan diesel di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan sewanita sekitar RM7 bilion di Semenanjung.

"Subsidi diesel tidak dihapuskan, tetapi apa yang dilakukan adalah memastikan pengurusan yang lebih cekap, tidak diris dan sampai kepada kumpulan rakyat yang selayaknya," katanya.

Menurut Anwar, tujuan penyasaran subsidi diesel ialah bagi memastikan pembaharuan pembelian tidak berterusan di samping



ANWAR

memastikan pengurusan terbaik minyak sawit tulen kepada rakyat.

"Hasil penjimatatan daripada penyasaran subsidi ini tentunya akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan,

kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor yang membawa dampak terbesar.

"Selain itu, kerajaan masih mengelakkan harga minyak masak sawit tulen kemasik botol pada harga RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) dan RM30.90 (5kg) sejak mengambil alih tumpuk kepimpinan," jelasnya.

Katanya, pengekalan harga itu dibuat meski harga minyak sawit mentah (CPO) dunia meningkat melebihi harga ambang RM3.890/mt.

"Selain contoh dengan harga CPO pada bulan Mac RM4.215/mt dan April RM4.256/mt, harga minyak masak sawit tulen 5kg boleh meningkat sehingga RM33-RM35," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, Anwar berkata, lebih 6.4 juta liter minyak diesel bernilai RM14.2 juta telah dirampas netakat 31

Disember 2023 dalam Op Tiris oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak hidup sejak 1 Mac 2023.

"Ia bagi membantu masalah penyelewengan diesel bersubsidi setakala ia memanfaatkan pihak yang tidak layak.

"Op Tiris 3.0 akan dilaksanakan mencakupi baring kawalan laut inti gula putih bertapi, minyak masak 1 kg, RON95 dan gas petroleum cecair," katanya.

Ujar Anwar, sehingga Jumaat lalu, lebih RM12 juta nilai barang kawalan telah dirampas dengan diesel menjadi barang kawalan yang tertinggi yang diseludup dan diselaweng.

Lantaran itu, Kerajaan Madani akan lokak komited menangani penyaludupan diesel sambil berusaha mengimbanginya dengan perihal bekalan dan kos sara hidup rakyat.

SUBSIDI DIESEL TIDAK DIHAPUSKAN

Masih tanggung RM7b

Oleh Suraya Roslan
 surayaroslan@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Kerajaan menegaskan bahawa subsidi diesel tidak dihapuskan, malah negara masih menanggung sekitar RM7 bilion subsidi diesel di Seluruh Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim (**gambar**) berkata, apa yang dilakukan kini adalah memastikan pengurusan subsidi lebih cekap, tidak tiris dan diperoleh rakyat yang disasarkan.

Tujuan utama dalam dasar penyiaran subsidi ini adalah memastikan pembaziran subsidi tidak lagi diteruskan sambil memastikan penjimatan mestilah dilupungkan kepada rakyat terbaik.

"Hasil penjimatan daripada penyiaran subsidi ini tentunya akan dikembalikan kepada rakyat dalam bentuk pendidikan, kesihatan, pengangkutan awam dan lain-lain sektor yang memberi dampak terbesar kepada rakyat," katanya, semalam.

Menurutnya, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) menggerakkan Ops Tiris 3.0 sejak Mac lalu bertujuan membanterai penyelewengaan diesel bersubsidi, terkala ia memanfaatkan pihak yang tidak layak.

"Hasil penjimatan daripada penyiaran subsidi ini tentunya akan dikembalikan kepada rakyat"

Anwar Ibrahim

"Sehingga 31 Disember tahun lalu, sebanyak 6,441,118 liter diesel dianggarkan berjumlah RM14,208,824 dirampas.

"Atas hasil dan perkembangan yang baik dari operasi ini, maka Ops Tiris 3.0 dilanjutkan dengan skop yang diperluas mencakup barang-barang kawalan iaitu gula putih bertapis (kasar dan halus), minyak masak bungkusan polibeg satu kilogram (kg), petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).

"Sehingga 14 Jun lalu, sejumlah RM12,956,089.96 nilai barang kawalan dirampas dengan diesel menjadi barang kawalan yang tertinggi yang diseludup dan diselaweng," katanya.

Katanya, kerajaan akan lekal komited menangani penyeludupan diesel sambil berusaha mengimbanginya dengan perihal bekalan dan kos sarawak hidup rakyat.

Anwar berkata, selain itu, kerajaan masih meningkatkan harga minyak masak sawit tulen kemaskin botol pada harga RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) dan RM30.90 (5kg) sejak belum mengambil alih tumpukan kepimpinan negara walaupun harga minyak sawit mentah (CPO) dunia meningkat melebihi harga ambang RM3,890 juta tan (mt).

"Sebagai contoh harga CPO pada Mac adalah RM4,215/mt manakala April RM4,236/mt, harga minyak masak sawit tulen 5 kg boleh naik sehingga RM31 hingga RM35," katanya.





BEKALAN telur di sebuah pasar raya di Selayang dekat ibu kota kehabisan ketika tinjauan semalam. Kerajaan memutuskan harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C di seluruh negara diturunkan 3 sen sebiji. Harga runcit baharu bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing ditetapkan 42 sen, 40 sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa semalam. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

Harga runcit telur turun tiga sen sebiji

Kuala Lumpur: Harga runcit telur ayam gred A, B dan C diturunkan tiga sen sebiji selaras usaha mengembalikan hasil penjimatkan penyasaran subsidi kepada rakyat.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, harga runcit bagi telur ayam gred A, B dan C masing-masing turun kepada 42 sen, 40

sen dan 38 sen sebiji berkuat kuasa semalam.

"Penampungan subsidi keperluan makanan rakyat sebanyak 10 sen bagi sebiji telur ayam ini membabitkan perbelanjaan RM100 juta, manakala pada

2023 peruntukan subsidi telur ayam adalah sebanyak RM927 juta," katanya dalam kenyataan di sini.

Katanya, harga runcit bagi telur ayam di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan juga akan diselaras-

kan mengikut bahagian dan zon yang diwartakan.

"Ingin saya tegaskan, masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan secara lebih proaktif dan berkesan sambil berusaha sebaiknya dalam memampat dampak yang buruk ke atas kehidupan harian rakyat," katanya.

Masalah atau isu terkait kos kehidupan rakyat akan terus ditangani kerajaan

OP TIRIS

RM13M IN SMUGGLED GOODS SEIZED

Diesel the top controlled item smuggled out of country, says PM

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nat.com.my

NEARLY RM13 million in controlled goods were seized from smugglers up to last Friday, says Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

He said Op Tiris had been expanded to curb the smuggling and misuse of controlled items.

The items he said, mainly comprised refined white sugar (coarse and fine), 1kg polybag cooking oil, RON95 petrol, diesel and liquefied petroleum gas.

He said RM12,956,089.96 worth of controlled items had been seized, with diesel being the top item smuggled out of the country.

Op Tiris 3.0, he added, was carried out as a result of positive outcomes and developments from previous operations, which began on March 1 last year.

In previous operations, the government seized 6,441,118 litres of diesel worth RM14,208,824.

"The Madani government remains committed to addressing diesel smuggling while striving to balance supply issues and alleviate the rising cost of living for the people."

"Subsidies are not being abolished."

"Instead, the focus is on ensuring efficient management, preventing leakage, and directing subsidies to rightful groups."

"The government still has to bear around RM7 billion for diesel subsidies in Peninsular Malaysia."

He added that the goal of the targeted diesel subsidy was to prevent wastage and ensure that savings were returned to the wider population.

"Savings from this targeted subsidy will be reinvested in education, healthcare, public transportation and sectors that have the greatest impact on the public."

Anwar also announced that the retail price of grades A, B and C eggs would be reduced by three sen per egg effective yesterday.



Johor police with a lorry seized for smuggling diesel in Tampoi recently. PIC BY HAFIZAH MUSAZAH



The retail price of grades A, B and C eggs has been reduced by three sen per egg effective yesterday. Last year, the government spent RM927 million on subsidies for chicken eggs. PIC BY AZRAF HAMZAH

He said the retail price for grades A, B and C eggs would be 42 sen, 40 sen and 38 sen, respectively.

He said the provision of subsidies of 10 sen per chicken egg involved an expenditure of RM100 million, and last year, the government spent RM927 on subsidies for chicken eggs.

"The retail price of eggs in Sabah, Sarawak and Labuan will also be adjusted according to the gazetted zones and divisions."

"I want to emphasise that the issues relating to the high cost of living will continue to be addressed by the government, while striving to mitigate the ad-

verse impacts on the lives of the people," he said.

Anwar, who is finance minister, added that the government had maintained the price of bottled palm cooking oil at RM6.90 (1kg), RM13.30 (2kg), RM19.60 (3kg) and RM30.90 (5kg).

This, he said, was despite the global crude palm oil (CPO) prices rising above the threshold price of RM3,890 per tonne.

For example, he said, the price for a bottle of 5kg cooking oil could increase to between RM33 and RM35 with the CPO prices in March and April, which were at RM4,215 per tonne and RM4,256 per tonne, respectively.

TIGHTENING CONTROL

MICCI believes targeted diesel subsidy will reduce smuggling

KUALA LUMPUR: The government implemented the targeted diesel subsidy programme to prevent leaks and ensure that subsidies reach those in need, said Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) president Christina Tee.

She believes this strategy could significantly reduce illegal activities such as smuggling.

Tee noted that the increase in diesel consumption, which surpasses the number of diesel vehicles, indicates the presence of leaks that must be addressed.

"I think the government wants to impose controls. In other words, I think they want to tighten controls at this time, and they must have ways to return the subsidies to the actual B40."

"This is very important because, frankly, how many B40s in Malaysia use diesel? Not many. Diesel is actually more widely used by logistics players," she

told *Business Times*.

Finance Minister II Datuk Seri Amir Hamzah Azizan announced that the retail price of diesel at all pumps in Peninsular Malaysia was set at RM3.35 per litre, which was the market price based on the Automatic Pricing Mechanism formula effective 12.01am on June 10.

He had said that the targeted diesel pricing and subsidy implementation would save the country RM4 billion annually, while strengthening its financial position in the long term.

Separately, Tee said MICCI, known for advocating policies that support economic recovery and growth, voiced support for the government's initiative.

She highlighted MICCI's role in representing the business community's interests and collaborating closely with government agencies to shape executable policies.

Eggs 3 sen cheaper

In announcing new prices effective yesterday, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said move is in line with efforts to pass on to people savings from targeted subsidies.

Report on > page 2